



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 1 NOVEMBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 1 November 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **5,299 kes** (2,380,060 kes kumulatif, 96.1%);
- Kes baharu : **4,626 kes** (2,476,268 kes kumulatif);
- Kes import : **6 kes** (2 warganegara; 4 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **4,620 kes** [4,440 warganegara (96.1%); 180 bukan warganegara (3.9%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **569 kes** (503 kes disahkan COVID-19 ; 66 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan) ;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **301 kes** (213 kes disahkan COVID-19 ; 88 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan)
- Jumlah kluster : **5,776 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **5 kluster**;

- Jumlah kluster yang telah tamat : **5,365 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **411 kluster**.

Daripada **4,626 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **94 kes (2.0 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **4,532 kes (98.0 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian kluster-kluster baharu dan nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1 dan 2 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

## ANALISA SITUASI SEMASA JANGKITAN COVID-19 DI MALAYSIA (MINGGU EPIDEMIOLOGI KE-43)

Sehingga 30 Oktober 2021 [Minggu Epidemiologi (ME) ke-43], sebanyak 2,466,663 kes kumulatif COVID-19 telah dilaporkan dengan 28,876 kes kematian. Kebanyakan indikator utama menunjukkan **tren penurunan**. Walau bagaimanapun, **kadar kematian menunjukkan peningkatan sebanyak 5.2 peratus** berbanding minggu epidemiologi sebelumnya (ME ke-42).







### **1. Indikator-Indikator Jangkitan COVID-19**

Pada ME ke-43 iaitu daripada **24 Oktober 2021 sehingga 30 Oktober 2021**;

- Kes baharu COVID-19 menunjukkan **penurunan sebanyak 2.2 peratus** iaitu daripada 41,508 kes (ME ke-42) kepada 40,613 kes (ME ke-43);
- **Kelantan, Wilayah Persekutuan Putrajaya, dan Melaka** melaporkan kadar insiden kes tertinggi bagi setiap 10,000 penduduk;
- Purata kes aktif menunjukkan **penurunan sebanyak 15.0 peratus** iaitu daripada 83,605 kes (ME ke-42) kepada

kes 70,829 kes (ME ke-43). **Penurunan kes aktif ini dilihat sejak lapan (8) minggu lepas;**

- Kes kematian menunjukkan **peningkatan sebanyak 5.2 peratus** iaitu daripada 496 kes (ME ke-42) kepada 522 kes (ME ke-43). Kadar kematian kes semasa adalah sebanyak 1.1 peratus dan kadar kematian keseluruhan adalah 1.2 peratus. **Sarawak, Perlis, dan Pulau Pinang** mencatatkan insiden kes kematian tertinggi bagi setiap 1 juta populasi;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) menunjukkan **penurunan 12.0 peratus** iaitu 571 kes (ME ke-42) kepada 505 kes (ME ke-43);
- Kes yang memerlukan bantuan pernafasan menunjukkan **penurunan 14.4 peratus** iaitu 250 kes (ME ke-42) kepada 214 kes (ME ke-43). **Penurunan kes yang memerlukan bantuan pernafasan dilihat sejak 11 minggu lepas;** dan
- Pada 30 Oktober 2021, **nilai Rt Malaysia adalah 0.96** (95% CI 0.95 – 0.97). Nilai ini telah mula menunjukkan **peningkatan semula sejak 23 Oktober 2021**. Nilai Rt melebihi 1 menunjukkan **potensi berlakunya rantaian penularan jangkitan COVID-19** seperti yang dilihat pada permulaan gelombang ketiga.



Indikator	ME ke-42 (17/10 - 23/10)	ME ke-43 (24/10 - 30/10)	Perbandingan ME Ke-41/42 (%)
Kes Kumulatif COVID-19	2,426,050	2,466,663	 +1.7
Kes Baharu	41,508	40,613	 -2.2
Kumulatif Kes Kematian	28,354	28,876	 +1.8
Kes Kematian	496	522	 +5.2
Penggunaan Katil ICU (Purata)	571	505	 -11.6
Penggunaan Alat Bantuan Penafasan (Purata)	250	214	 -14.4










Jadual 1 : Perbandingan Indikator Jangkitan COVID-19 bagi ME ke-42 dan ME ke-43

## 2. Kluster

Sebanyak **46 kluster** yang dilaporkan pada ME ke-43 yang terdiri daripada (**Jadual 2**);

- **Dua puluh lima (25) (54.3 peratus)** kluster tempat kerja;
- **Sembilan (9) (19.6 peratus)** kluster pusat pendidikan;
- **Tujuh (7) (15.2 peratus)** kluster komuniti; dan
- **Lima (5) (10.9 peratus)** kluster kumpulan berisiko tinggi.

	ME Ke-42 (17/10 – 23/10)	ME Ke-43 (24/10 – 30/10)	Perbandingan ME Ke-41/42 (%)
Kumulatif Kluster	5,719	5,765	 +0.8
Kluster Aktif	557	438	 -21.4

Kluster Tamat	201	165	 -17.9
Kluster Baharu	56	46	 -17.9
<b>Kategori Kluster</b>			
1. Tempat Kerja	35	25	 -28.6
2. Komuniti	9	7	 -22.2
3. Kumpulan Berisiko Tinggi	3	5	 +66.7
4. Institusi Pendidikan	7	9	 +28.6
5. Pusat Tahanan	2	0	 -200.0
6. Keagamaan	0	0	 0.0
7. Import	0	0	 0.0

Jadual 2 : Jumlah Kluster Mengikut Kategori bagi ME ke-42 dan ME ke-43

Terdapat **peningkatan kluster institusi pendidikan** susulan pembukaan semula institusi-institusi pengajian tinggi secara bersemuka bermula ME-41.





### **3. Vaksinasi**

KKM juga ingin memaklumkan bahawa **sehingga 30 Oktober 2021**, sejumlah **25,299,759 individu** telah mendaftar bagi mendapatkan vaksinasi COVID-19. Sebanyak **74.9 peratus** daripada keseluruhan penduduk telah menerima suntikan vaksin COVID-19 lengkap [**95.5 peratus** daripada populasi dewasa dan **66.4 peratus** daripada populasi remaja (12-17 tahun)]. Pada 24 September 2021, Malaysia telah

mencapai sasaran awal program vaksinasi remaja di mana sebanyak 60 peratus remaja telah mendapat vaksinasi lengkap.

#### 4. Kapasiti Hospital

KKM telah memperuntukkan 26,522 katil di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC), 14,963 buah katil wad biasa, 1,345 katil wad ICU, dan 2,804 alat bantuan pernafasan bagi merawat pesakit COVID-19, kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan. Penggunaan katil di PKRC dan katil di wad biasa dan Unit Rawatan Rapi (ICU) menunjukkan **tren penurunan sekitar 2 hingga 6 peratus** pada ME ke-43 berbanding ME ke-42 seperti pada **Jadual 3**.

Fasiliti Kesihatan	Kapasiti	Jumlah penggunaan oleh kes disahkan COVID-19, kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan	Kadar Penggunaan (%)	Perbandingan ME Ke-42/41 (%)
Katil Hospital (wad biasa)	14,963	6,049	40%	 3%
PKRC	26,522	9,605	36%	 6%
Katil Hospital (ICU)	1,345	579	43%	 5%
Alat Bantuan Penafasan	2,804	1,124	40%	 2%

Jadual 3 : Kapasiti hospital dan ICU di Hospital Awam

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah



pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

1 November 2021 @ 6:30 petang.

**LAMPIRAN 1****KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA  
PADA 1 NOVEMBER 2021**

<b>NO</b>	<b>NAMA KLUSTER</b>	<b>KATEGORI KLUSTER</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH KES</b>	<b>JUMLAH DISARING</b>
1	Tapak Bina Lebuhraya Setiawangsa 2	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Titawangsa	14	26
2	Jalan Bank Kuantan 2	Tempat Kerja	Pahang	Kuantan	12	77
3	Industri Wawasan 10	Tempat Kerja	Johor	Batu Pahat	13	24
4	Kampung Dusun Raja	Kumpulan Berisiko Tinggi	Kelantan	Kota Bharu	19	28
5	Kampung Cheroh	Institusi Pendidikan KPM	Pahang	Raub	10	39

**LAMPIRAN 2****NILAI  $R_T$  MENGIKUT NEGERI  
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN  
PADA 31 OKTOBER 2021**

<b>NEGERI</b>	<b>NILAI <math>R_T</math></b>
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	1.02
<b>WP PUTRAJAYA</b>	1.01
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	1.00
<b>MELAKA</b>	0.98
<b>SELANGOR</b>	0.97
<b>SABAH</b>	0.95
<b>KEDAH</b>	0.95
<b>PAHANG</b>	0.94
<b>TERENGGANU</b>	0.89
<b>PERLIS</b>	0.87
<b>KELANTAN</b>	0.87
<b>PERAK</b>	0.86
<b>JOHOR</b>	0.86
<b>PULAU PINANG</b>	0.86
<b>SARAWAK</b>	0.85
<b>WP LABUAN</b>	0
<b>MALAYSIA</b>	<b>0.95</b>